

PTR pantau projek teknologi

Sinar Harian (Kuantan) Isnin 11/8/08 p.8

MOHD ZAKY ZAINUDDIN

KUANTAN - Pahang Technology Resources (PTR) bertindak menangani perkembangan bioteknologi dan ICT di negeri ini bagi memastikan hasilnya memberi manfaat kepada semua.

Menteri Besar, Datuk Seri

Adnan Yaakob, berkata, kewujudan PTR akan memantau pelbagai projek teknologi kerana ia secara tidak langsung sebagai langkah berhati-hati agar tiada pihak khususnya syarikat luar negara mengambil kesempatan ke atas sumber hasil terdapat di sini.

Katanya, perkembangan

pesat teknologi hari ini akan memberi impak besar kepada masyarakat sekiranya tiada pemantau khusus dibuat sehingga boleh menyebabkan rakyat terpaksa menanggung kesan buruk kelak.

"PTR memberi galakan kepada penyelidikan bioteknologi namun penekanan kepada tiga

aspek iaitu makanan, alam sekitar dan kesihatan supaya segala hasil yang diperoleh memberi faedah kepada rakyat.

"Namun, penyelidikan yang dijalankan dengan kerjasama syarikat luar negara perlu dipantau untuk mengelakkan mereka hanya menggunakan sumber hasil di sini tetapi kita tidak mendapat apa-apa faedah daripadanya.

"PTR adalah syarikat Kerajaan Negeri yang berusaha memacu Malaysia menjadi negara bioteknologi seiring dengan wawasan 2020," katanya

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Simposium Bioteknologi Universiti Malaysia Pahang

(UMP) di sini semalam. Adnan memberitahu, kerajaan negeri amat berterima kasih kepada UMP kerana berjaya menjalankan program seumpama ini dan lebih membanggakan apabila aktiviti ini dijayakan oleh pelajar

"Syabas kepada pelajar

UMP kerana berjaya menganjurkan simposium seumpama ini kerana pengumpulan pelbagai tenaga profesional dalam pelbagai bidang di dalam program ini mampu memberikan hasil yang sebaiknya.

"Kebanyakan kejayaan sebarang bidang penyelidikan bermula di universiti dan ini landasan terbaik kepada pelajar untuk menjadi pemangkin kepada perkembangan bioteknologi.

"Ia adalah langkah yang baik dan perlu diteruskan bagi memastikan segala perancangan dan penyelidikan bioteknologi diberikan galakan setimpal sehingga memberi manfaat kepada semua," katanya.



Adnan (dua dari kanan) menerima cenderamata yang disampaikan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMP, Prof Dr. Rosli Mohd Yunus selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Simposium Bioteknologi UMP, di sini, semalam.

Akhbar Komuniti
Warga Pahang